Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda



BIL: 18/3 ZULQAEDAH 1435H/29 OGOS 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

Manusia Dan Hidayah Seumpama Tanah Yang Ditimpa Hujan

عَنْ أَبِى مُوسَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ قَالَ، مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْغَيْثِ الْكَثِيْرِ أَصَابَ أَرْضًا فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتِ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتِ الْكَلَأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيْرِ وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوْا وَسَقَوْا وَزَرَعُوْا وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةً أُخْرَى إِنَّمَا هِىَ قِيعَانٌ لاَ تُمْسِكُ مَاءً وَلاَ تُنْبِتُ كَلَأً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فِقْهُ فِى دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِى أَرْسِلْتُ بِهِ.(البخاري)

Daripada Sayyidina Abu Musa Al-Asy'ari Radhiyallahu 'Anhu, daripada Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam, Baginda telah bersabda: "Perumpamaan apa yang telah diutuskan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengannya iaitu Hidayah dan 'Ilmu adalah seperti hujan yang banyak yang telah menimpa tanah. Maka ada di antara tempat yang telah menimpa hujan tersebut adalah tanah yang baik yang telah menerima hujan dan tanah tersebut menumbuhkan tumbuh-tumbuhan serta menumbuhkan tumbuhan basah yang banyak. Ada juga di antara tempat tersebut adalah tanah yang kering-kontang yang telah menyekat air, lalu Allah telah memberikan manfaat kepada manusia dengan tanah tersebut, lalu mereka dapat minum dan bercucuk tanam. Satu bahagian hujan juga telah menimpa sejenis tanah yang lain. Sesungguhnya tanah tersebut hanyalah yang tidak menyekat air dan tidak pula menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Maka itulah perumpamaan orang yang telah mendalami 'Ilmu dalam Agama Allah dan perkara yang saya telah dibangkitkan oleh Allah dengannya yakni Hidayah dan 'Ilmu telah memberikan manfaat kepada orang tersebut lalu dia telah mengetahui dan dia telah mngajarkan kepada orang lain. Begitu jugalah perumpamaan orang yang tidak mengangkat kepala dengan apa yang saya telah dibangkitkan dengannya dan dia tidak mnerima hidayah Allah yang saya telah diutuskan dengan hidayah tersebut." [Al-Bukhari]

KETERANGAN

Rasulullah Shallallah 'Alaihi Wassalam membuat perumpamaan bagi orang yang mengetahui risalah Islam dengan perumpamaan tanah yang dibasahi dengan hujan lebat. Ada di antara tanah yang dibasahi dengan hujan tersebut yang menyerap air lalu menumbuhkan hasil seperti tumbuhan-tumbuhan. Ini adalah perumpamaan bagi seseorang yang mengetahui hakikat Islam lalu dia beriman, mempelajari Islam, mengamalkannya dan mengajarkan risalah Islam kepada manusia. Ada juga tanah yang tidak dapat menyerap air kerana tanahnya yang keras.

Tanah ini juga tidak dapat menumbuhkan tumbuhan, tetapi air hujan yang membasahinya itu bertakung, lalu dapat diambil manfaat oleh manusia dan binatang ternakan. Ini adalah perumpamaan bagi seseorang yang menerima Hidayah Islam lalu mempelajarinya, dia mempunyai ingatan yang kuat terhadap apa yang dipelajarinya namun dia bukanlah seorang yang pintar sehingga dapat memahami ilmu yang dipelajarinya secara mendalam. Walaubagaimanapun ilmu yang dipelajarinya itu dapat disebarkan dan dipelajari kepada manusia. Akhirnya orang lain mendapat mengambil manfaat daripada ilmu yang disampaikan sekali pun orang yang menyampaikan sendiri tidaklah mengetahui isi kandungan ilmu yang disampaikan secara mendalam.

Tanah yang terakhir yang turut dicurahi dengan air hujan ialah tanah yang menyerap air hujan tetapi tidak pula menumbuhkan sebarang hasil atau tumbuhan. Begitulah perumpamaan bagi seseorang yang mempelajari Islam namun dia bongkak dan menolak Hidayah Islam. Dia juga tidak beramal dengan apa yang dipelajarinya dan tidak pula menyebarkan atau mengajarkannya kepada orang lain. Orang seperti ini tidak mendapat manfaat daripada hidayah dan ilmu yang dipelajarinya bahkan orang lain juga tidak mendapat sebarang manfaat daripadanya.

علم مصطلحات الحديث

Ta'arif Musthalah Al-Hadits

Perkataan Mushthalah Al-Hadits terdiri dari 2 rangkaikata iaitu Mushthalahah dan Al-Hadits. Mushthalahah diambil dari perkataan Ishthilah. Oleh yang demikian Mushthalahah bermaksud hal-hal yang diistilahkan. Apabila digabungkan dengan perkataan Al-Hadits, ia bermaksud hal-hal yang diistilahkan dalam persoalan Hadits. Ilmu Al-Hadits dibukukan oleh Para Ilmuan Hadits bertujuan memudahkan Ummat Islam membezakan sesuatu yang berkaitan denjgan Hadits, sama ada ia temasuk Hadits Shahih, Hassan, Dha'if, Mursal, Mauquf, Maudhu dan sebagainya.

Pengertian Al-Hadits

Dari segi bahasa perkataan Al-Hadits adalah berita dan perkara baharu, perkara yang dekat atau belum lama berlaku. Jamaknya ialah Ahadits. Dari segi istilah, ia adalah apa sahaja yang disandarkan kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam dari segi ucapan perkataan, percakapan, perbuatan, sifat akhlak peribadi dan segala keadaannya juga sifat kejadian sama ada sebelum Baginda diutuskan menjadi Rasul mahupun selepasnya.

Pengertian As-Sunnah

Dari segi bahasa perkataan As-Sunnah bermaksud jalan atau cara hidup, sama ada ia terpuji atau tercela. Dari segi istilah 'Ulama Hadits mengatakan bahawa ta'arifnya adalah sama dengan Hadits. Lawan bagi Sunnah ialah Bida'ah.

Pembahagian Sunnah

- **Sunnah Qauliyyah (Percakapan):** Ia mengandungai beberapa pengajaran, nasihat, dan sebagainya.
- **Sunnah Fi'iliyyah (Perbuatan):** Ia mengandungi perbuatan-perbuatan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam seperti tatacara solat, puasa dan lain-lain.
- **Sunnah Taqririyyah (Pengakuan):** Pengakuan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam secara diam tanpa menampakkan tanda-tanda bantahan terhadap perbuatan Para Shahabat.
- **Sunnah Khalqiyyah (Kejadian)**: Sebagaimana Hadits yang menerangkan tentang rupa bentuk dan keadaan fizikal Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam.
- **Sunnah Khuluqiyyah (Akhlak):** Hadits yang menceritakan tentang akhlak dan keperibadian Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

SETIAP MANUSIA MENURUT TAQDIRNYA DAN KEMAMPUAN TAAT ADALAH BESERTA PERBUATAN

Bermula Allah Ta'ala jua yang menjadikan segala perbuatan sekelian hamba, daripada Kufur kepada Iman dan dari Taat kepada 'Ishyan derhaka. Dan semua itu dengan dengan kehendak Allah Ta'ala dan IradatNya, acaraNya, dan TaqdirNya dan QadhaNya. Bermula bagi segala hamba dalamnya dengan perbuatan ikhtiar, diberi pahala mereka itu dengan ia dan diseksa mereka itu atasnya. Bermula yang baik daripadanya itu dengan redha kegemaran Allah Ta'ala dan yang keji itu tiada dengan kegemarannya. ['Aqaid An-Nasafi]

Setiap orang akan beramal mengikut apa ketetapan yang telah diselesaikan baginya dan dia akan tetap kembali kepada apa yang telah diciptakan untuknya. Dan kebaikan dan kejahatan adalah dua perkara yang telah ditaqdirkan ke atas Para Hamba. Dan kemampuan melakukan ketaatan yang mewajibkan perlaksanaan perbuatan dengannya seperti kemampuan memberikan Taufiq yang tidak boleh disifatkan terhadap makhluk dengannya maka kemampuan tersebut adalah beserta dengan perbuatan. Adapun kemampuan melakukan ketaatan dari sudut kesihatan, kelapangan, dan keupayaan, dan kesejahteraan, alat-alat pekakas dan anggota adalah termasuk dalam jenis kemampuan sebelum perbuatan, dan Khithab adalah tertakluk dengannya, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَا

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya".[2:286]

Dan segala perbuatan Para Hamba adalah makhluk ciptaan Allah dan kasab usaha adalah daripada perbuatan Para Hamba. [Al-`Aqidah Ath-Thahawiyah]

TOKOH ISLAM ABU HURAIRAH

Beliau merupakan salah seorang perawi Hadits yang terkemuka bagi Ummat Islam. Beliau dilahirkan 19 tahun sebelum Hijrah dan berasal dari Qabilah Al-Dusi di Yaman. Nama sebenar beliau sebelum memeluk Islam tidaklah diketahui dengan jelas, tetapi pendapat yang masyhur adalah Abdusy-Syams. Beliau telah memeluk Islam pada tahun 7 Hijrah. Nama Islamnya adalah Abdur-Rahman atau lebih dikenal sebagai Abu Hurairah. Gelaran Abu Hurairah adalah kerana kegemarannya bermain dengan anak kucing.

Diceritakan pada suatu masa ketika beliau bertemu Baginda Rasullullah Shalallahu 'Alaihi Wassalam, dia ditanyai apa yang ada dalam lengan bajunya. Apabila dia menunjukkan anak kucing yang ada dalam lengan bajunya lantas dia digelar Abu Hurairah oleh Baginda Rasulullah. Semenjak itu dia lebih suka dikenali dengan gelaran Abu Hurairah. Abu Hurairah adalah sahabat yang sangat dekat dengan Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam. Dia dikenali sebagai salah seorang Ahli Shuffah, iaitu orang-orang miskin atau sedang menuntut ilmu dan tinggal di laman masjid. Beliau begitu rapat dengan Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam sehingga Baginda selalu menyuruh Abu Hurairah untuk mengumpulkan Ahli Shuffah, jika ada makanan yang hendak dibahagikan.

Abu Hurairah telah berjaya meriwayatkan banyak Hadits disebabkan beliau sentiasa berdamping dengan Rasulullah selama 3 tahun, antara riwayatnya ialah, "Sesungguhnya saudara kami daripada golongan Muhajirin sibuk dengan urusan mereka di pasar dan orang-orang Ansar pula sibuk bekerja di ladang mereka sementara aku seorang yang miskin sentiasa bersama Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam. Aku hadir di majlis yang mereka tidak hadir dan aku hafaz pada masa mereka lupa".

Pada mulanya Abu Hurairah mempunyai ingatan yang lemah lalu beliau mengadu kepada Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalm, lalu Baginda mendoakan agar beliau diberkati dengan daya ingatan yang kuat, lalu semenjak hari itu Abu Hurairah dikurniakan dengan daya ingatan yang kuat yang membolehkan beliau meriwayatkan jumlah Hadits terbanyak di kalangan Para Shahabat. Cintanya kepada Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalm sehingga sesiapa pun yang dicintai Baginda, dia ikut mencintainya.

Misalnya, dia suka mencium Hassan dan Hussain, kerana melihat Baginda Rasulullah mencium kedua cucunya itu. Beliau dipandang mulia kerana keilmuan dan kesalihannya. Perilakunya sebagai orang Islam telah memuliakannya sehingga dipinang oleh majikannya yang kaya-raya untuk putrinya, Bisrah binti Gazwan.

Sejak menikah, Abu Hurairah membahagi malamnya kepada tiga bahagian, untuk membaca Al-Quran, untuk tidur dan keluarga, dan untuk mengulang-ulang Hadits. Dia dan keluarganya tetap hidup sederhana walaupun setelah menjadi orang berada. Abu Hurairah suka bersedeqah, menjamu tetamu, bahkan memberi sedeqah rumahnya di Madinah untuk pembantu-pembantunya.

Abu Hurairah diangkat menjadi gabenor Bahrain ketika Sayyidina 'Umar Al-Khattab Radhiyallahu 'Anhu menjadi Amirul Mukminin. Tapi pada 23 Hijrah, Khalifah 'Umar Al-Khattab memecatnya kerana beliau dituduh menyimpan wang yang banyak sehingga 10,000 dinar. Ketika pembicaraan, Abu Hurairah berjaya membuktikan bahawa harta itu diperolehinya dari berternak kuda dan pemberian orang. Khalifah Sayyidina 'Umar Al-Khattab telah menerima penjelasan itu dan memaafkannya. Lalu dia diminta menerima jabatan gabenor kembali, tetapi Abu Hurairah menolak.

Semasa era pemerintahan Khalifah Sayyidina 'Usman Ibni 'Affan Radhiyallahu 'Anhu, kediaman Amirul Mukminin telah dikepung pemberontak, dalam peristiwa yang dikenali sebagai Al-Fitnatul Kubra, fitnah bencana besar, Abu Hurairah telah turut bersama 700 orang Muhajirin dan Anshar tampil mengawal rumah tersebut. Meskipun dalam keadaan siap untuk bertempur, Khalifah Sayyidina 'Usman Ibni 'Affan Radhiyallahu 'Anhu melarang pengikut setianya itu memerangi kaum pemberontak.

Pada masa pemerintahan Khalifah Amirul Mukminin Sayyidina 'Ali Ibni Abi Thalib Radhiyallahu 'Anhu, Abu Hurairah menolak tawaran menjadi gabenor Madinah. Ketika terjadi pertemuan antara Khalifah Sayyidina 'Ali dan lawannya, Muawiyah Ibn Abi Sufyan, dia bersikap berkecuali dan menghindari fitnah.

Setelah Muawiyah berkuasa, Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu dilantik menjadi gabenor Madinah setelah diusul oleh Marwan Ibn Hakam. Di Kota Penuh Cahaya Al-Madinatul Munawwarah, beliau telah mengembuskan nafas terakhir pada 57 atau 58H. (676-678M) dalam usia 78 tahun.

Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu telah meninggalkan sebanyak 5,374 Hadits. Hadits Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu yang disepakati Imam Bukhari dan Imam Muslim berjumlah 325 Hadits, oleh Imam Bukhari sendiri sebanyak 93 Hadits dan oleh Imam Muslim sendiri 189 Hadits. Hadits yang diriwayatkan Abu Hurairah juga terdapat dalam kitab-kitab Hadits lainnya.

صفات دوا ڤولوه – صفات يڠ واجب باݢي الله

نام صفات	ڤڠرتين
وجود **(ادا)**	**واجب ممڤرچيأي اداڽ الله سبحانه وتعالى.**
قدام (سديا)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله اداله تيدق اد ڤرمولأن باݢين. الله تله اد سجاق ازالي.
بقاء (ككال)	واجب ممڤرچيأي بهاوا اله ايت تياد ڤڠأخيرانڽ. الله ماها ككال هيڠݢ ابادي.
مخالفته للحوادث (برلأينن دڠن سکالا يڠ بارو)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله تيدق ميروڤأي سکالا سسواتو ڤون.
قيامه بنفسه (برديري دڠن سندري)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله برديري سنديري دڠن ككواسأنڽ
وحدانيه (ماها عيسا)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله ايت ماها عيسا ڤدا ذاتڽ، ڤدا صفتڽ، دان ڤدا ڤربواتنڽ.
قدرة (ماها برکواسا)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله ايت ماها برکواسا دان تيدق لمه دان تيدق برصڤة ككوراڠن.
ارادت (ماها برکهندق)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله بيباس برکهندق منتوکن مڠيکوت کهندقڽ
علم (ماها مڠتاهوءي)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت ملها مڠتاهوءي سکالاڽ ماهوڤون يڠ ترسمبوڽي.
حيات (ماها هيدوڤ)	واجب ممڤرچيأس بهاوا الله ايت ماها هيدوڤ تيدق برأچير دڠن کبينلسأن اتاو کماتيان.
سمع (ماها مندڠر)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله ايت ماها مندڠر دان مليهة ڤدا يڠ ظهير اتاو يڠ باطن.
بصر (ماها مليهة)	واجب ممڤرچيأي بهاوا الله ايت ماها مندڠر دان مليهة ڤدا يڠ ظهير اتاو يڠ باطن.
کلام (ماها برکات – کات)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت ماها برکات – کات تنڤ ممرلوکن حروف اتاو ليده.
كونه قادرا (كئدأنڽ يڠ ماها برکواسا)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدأنڽ يڠ ماها برکواسا
كونه مريدا (كئدانڽ يڠ ماها برکهندق)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدانڽ يڠ ماها برکهندق
كونه عاليما (كئدأنڽ يڠ ماها مڠتاهوءي)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدأنڽ يڠ ماها مڠتاهوءي
كونه حيا (كئدأنڽ يڠ ماها هيدوڤ)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدأنڽ يڠ ماها هيدوڤ
كونه بصيرا (كئدانڽ يڠ ماها مليهة)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدانڽ يڠ ماها مليهة
كونه سميعا (كئدانڽ يڠ ماها مندڠر)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدانڽ يڠ ماها مندڠر
كونه متكليما (كئدأنڽ يڠ ماها برکات – کات)	واجب ممڤرچياي بهاوا الله ايت كئدأنڽ يڠ ماها برکات – کات